# PELITA BRUNEI

**AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI**

**DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU**

TAHUN 18 BILANGAN 40 RABU 3HB. OKTOBER, 1973. رابو 6 رمضان 1393 PERCHUMA


**Untok menstabilkan mental masharakat**

## MAJLIS PELAJARAN MEMAINKAN PERANAN UTAMA

**BANDAR SERI BEGAWAN. — Pemangku Setia Usaha Kerajaan, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdul Aziz menekankan bahawa Majlis Pelajaran akan mempunyai pengaroh2 dan peranan2 utama dalam kestabilan dan kesempuraan mental masharakat Brunei dalam satu keadaan yang serba rioh di-sekeliling-nya.**

Yang Berhormat itu telah berkata demikian sa-belum merasmikan Meshuarat Pertama Majlis Pelajaran di-Bilek Persidangan Dewan Bahasa dan Pustaka di-sini pada hari Khamis minggu lalu.

Pemangku Setia Usaha Kerajaan menerangkan, laporan Surohanjaya Pelajaran 1972 telah di-perkenankan perlaksanaan-nya oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan merupakan satu approach yang dinamik dan mempunyai pandangan2 bagi jangka panjang.

Beliau perchaya kertas kerja pertama yang di-binchangkan oleh ahli2 Majlis Pelajaran itu membayangkan sifat2 serious terhadap tanggong-jawab yang di-berikan kapada mereka.

Kegiatan Pengarah Pelajaran dan anggota2 di-Jabatan Pelajaran di-harapkan akan dapat menumpukan tugas dengan jujor dan ikhlas ka-arah kesempurnaan tanggong-jawab yang di-putuskan oleh Majlis Pelajaran

Yang Berhormat selanjutnya menekankan, tanpa kejujoran, inisiatif dan tumpuan tenaga ka-arah tugas sa-bagai Pengarah Pelajaran, maka semangat Laporan Surohanjaya Pelajaran 1972 akan gagal dan kegagalan itu akan membayangkan kelemahan usaha2 dalam bidang pelajaran.

Beliau juga menekankan harapan-nya kapada kaum pendidek, guru2 dan maha guru yang mempunyai semangat

(Lihat muka 8)



**Pmk. Setia Usaha Kerajaan, Y.B. Dato Paduka Awang Haji Abdul Aziz beruchap ketika merasmikan Meshuarat Pertama Majlis Pelajaran.**

## *ANGGOTA AMDB DI-SERU: TANAMKAN SEMANGAT KEPERWIRAAN*

**BERAKAS. — Pemangku Setia Usaha Kerajaan, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdul Aziz telah menyeru rekrut2 baru dan anggota2 Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei supaya menanamkas semangat ketenteraan di-jiwa mereka.**

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdul Aziz membuat seruan demikian di-satu upacharа perbarisan tamat latehan bagi rekrut2 AMDB di-Berakas Kem pada hari Jumaat lepas.

Beliau menerangkan, lapangan tentera di-mana mereka mencheborkan diri dengan kerelaan, bukan sahaja di-niatkan sa-bagai sumber mata pencharian untok menyambung hidup, tetapi semangat keperwiraan yang ada di-dalam-nya hendak-lah di-tanamkan dalam jiwa mereka.

Pemangku Setia Usaha Kerajaan itu menjelaskan, jika Brunei dalam kurun2 yang silam terkenal dengan perwira2 negara saperti, Bendahara Sakam, Pehin Orang Kaya Di-Gadong Seri Lela, Pengiran Shahbandar, Dato Godam dan Sultan Bolkiah, beliau percha-

(Lihat muka 8)

## *Sambutan raayat terhadap Tabong Pembinaan Stadium menggalakkan*

**BANDAR SERI BEGAWAN. — Setia Usaha Agong Jawatankuasa Tertinggi Derma Tabong Pembinaan Stadium, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama Dr. Awang Haji Mohamed Jamil Al-Sufri menyatakan rasa shukor dan bangga atas sambutan raayat dan pendudok negeri ini terhadap ranchangan pembinaan stadium.**

Beruchap melalui Radio Brunei yang di-siarkan pada malam Khamis yang lalu, Yang Berhormat itu menjelaskan dalam masa sa-tahun, kutipan derma yang terkumpul telah hampir membawa kapada jumlah sa-tengah juta ringgit.

Tetapi kata-nya, memandang kapada bilangan keramaian raayat dan pendudok Brunei yang begitu kechil dan derma yang telah di-perolehi itu ada-lah satu sumbangan yang sangat tinggi nilai-nya.

Kerajaan kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan meranchang pembinaan stadium di-biayai bersama oleh raayat dan pendudok Brunei supaya mereka dapat membina bersama negara mereka sendiri dengan titek peloh, wang ringgit, tenaga dan perasaan tanggong-jawab terhadap bangsa dan negara.

Yang Berhormat itu juga menafikan terhadap khabar2 angin yang tersiar dalam su-

(Lihat muka 8)

## Ketetapan bayaran zakat fitrah bagi tiap2 sa-orang Islam

BANDAR SERI BEGAWAN. — Yang Di-Pertua Ugama Islam Brunei telah menetapkan Kadar bayaran zakat fitrah bagi tiap2 sa-orang umat Islam di-negeri ini gagi tahun Hijrah 1393.

Menurut surat keliling Majlis itu bahawa zakat fitrah bagi tiap2 umat Islam di-Daerah Brunei ia-lah $1.87½ sen; Daerah Tutong dan Muara ia-lah $1.90⅝ sen dan Daerah Belait dan Temburong ia-lah $1.93¾ sen.

Kadar bayaran zakat fitrah itu ada-lah menurut nilaian harga beras bagi 3 kati 12 tahil ia-itu kadar timbangan beras yang wajib di-fitrahkan.

Lebeh lanjut surat keliling itu menyatakan bahawa menurut Mazhab Shafiee, zakat fitrah hanya sah di-keluarkan dari makanan yang biasa di-makan pada sa-buah negeri itu.

"Oleh kerana makanan yang biasa di-negeri ini ia-lah beras, maka zakat fitrah ada-lah sah di-keluarkan dengan beras. Anggaran zakat fitrah menurut timbangan di-negeri ini ia-

(Lihat muka 8)

SEJAK 23hb. September, 1972 ia-itu hari Keputeraan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddin hari puja usia orang yang sering di-rista oleh raayat dan pendudok Brunei Darussalam ini sa-bagai Akitek Brunei Moden, hari yang di-jadikan sempena permulaan pelancharan pengutipan derma Tabong Pembinaan Stadium hingga masa ini sudah membawa kapada masa sa-tahun. Dengan berkat daulat dan kerjasama raayat dan pendudok negeri ini yang telah memberikan derma itu sa-bagai menjunjong titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan penoh semangat ta'at setia yang tidak berbelah bagi kapada baginda sa-bagaimana semangat yang di-warisi mereka dari datok nenek mereka turun temurun, ia-itu semangat yang menjadikan di-zaman yang silam maka dengan izin Allah ranchangan Tabong Pembinaan Stadium ini telah berjaya.



Setia Usaha Agong Tertinggi Tabong Pembinaan Stadium, Y.B. Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dr. Awang Haji Mohd. Jamil Al-Sufri ketika menerima chek bernilai $1,275.48 dari Sekolah Persediaan Inggeris Anggerek Desa untok tabong pembinaan stadium.

Wang yang di-perolehi dari usaha penuntut2 sekolah tersebut semasa mengadakan temasha berjalan kaki itu telah di-sampaikan oleh Awg. Kassim bin Adis, Pengetua Sekolah Persediaan Inggeris dan telah di-saksikan oleh Dg. Barbara Allinson, Awang Abu Hanafiah bin Mohd. Sugut dan Awg. Jacob Chin. — Gambar DBP.

# BERITA KENAIKAN GAJI PEGAWAI2 KERAJAAN ADA-LAH PALSU

Dalam masa sa-tahun itu kutipan derma yang telah terkumpul telah hampir membawa kapada jumlah sa-tengah juta ringgit. Miski pun, kalau dipandang kasar sa-tengah juta ringgit itu tidak menchukupi untok pembinaan stadium yang berkehendakkan berjuta2 ringgit, tetapi memandang kapada bilangan keramaian raayat dan pendudok Brunei Darussalam ini yang bagitu kechil, boleh-lah di-katakan derma yang telah di-berikan itu ada-lah satu sumbangan yang sangat tinggi nilai-nya dan menggambarkan betapa kesunggohan-nya raayat dan pendudok Brunei ini menjunjong titah baginda itu untok menyumbangkan derma dan tenaga dengan berbagai2 chara dan tidak ketinggalan pula tradisi memuchang2 ia-itu tradisi Brunei asli yang telah di-amalkan oleh datok nenek orang Brunei.

### NIKMAT BERSAMA

Pelancharan derma yang di-sebutkan yang telah mempunyai kejayaan itu tidak-lah di-nafikan bahawa ini ada-lah satu kemajuan yang telah di-chapai oleh raayat dan pendudok Negeri Brunei Darussalam ini. Sa-bagaimana yang telah kita ma'alom bahawa tujuan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan meranchang pembinaan Stadium ini di-biayai bersama oleh raayat dan pendudok negeri ini ada-lah sa-mata2 untok memberikan peluang kapada raayat dan pendudok negeri ini supaya mereka merasai nikmat bersama membina sendiri negara mereka dengan titek peloh, wang ringgit dan tenaga mereka sendiri supaya perasaan tanggong jawab mereka terhadap pembinaan bangsa dan negara akan hidup dengan subor-nya. Perkara ini telah jelas kapada kita bahawa sambutan raayat dan pendudok negeri ini terhadap ranchangan ini telah ternyata yang bukan hanya sambutan itu di-sertai oleh orang2 dewasa, pemuda2 tetapi penuntut2 dan anak2 sekolah yang maseh dibangku sekolah pun ikut bersama2 mengambil bahagian berusaha untok mengutip derma untok Tabong Pembinaan Stadium ini saperti mana yang telah di-lakukan oleh pemuda2, penuntut2 di-Maktab2 dan murid2 di-sekolah2 yang telah meranchang beberapa projek2, pertunjokan2, permainan2, berjalan kaki dan lain2 lagi. Ini berma'ana semangat tanggong jawab itu telah tertanam di-hati tiap2 raayat dan pendudok Negeri Brunei ini dari segala bidang masharakat dan semangat tanggong jawab terhadap bangsa dan negara itu telah tumboh pula dengan subor di-kalangan mereka.

Lembaran sejarah datok nenek mereka yang bersatu padu menumpukan ta'at setia mereka kapada Sultan-nya ada-lah sentiasa di-dalam ingatan mereka yang mana keadaan sa-demikian itu menjadikan raayat dan pendudok Negeri Brunei ini sentiasa bersemangat untok mahu maju untok mahu hidup saperti keagongan datok nenek mereka sa-kadarkan keadaan dahulu dan sekarang di-sesuaikan dengan keadaan zaman yang moden. Keadaan semangat raayat dan pendudok Negeri Brunei yang sentiasa mahukan kemajuan itu sesuai pula dengan ranchangan lima tahun Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan yang telah di-ishtiharkan baru2 ini yang mana ranchangan tersebut bukan hanya di-petek dari ahli fikir, ahli peranchang, pegawai2, ahli2 Majlis Meshuarat, orang2 bergelar dan ketua2 kampong tetapi juga ranchangan itu di-dengar dan di-terima dari raayat dan pendudok sendiri supaya mereka menghadapkan ranchangan itu sendiri kapada Kerajaan melalui majlis dailog yang di-adakan oleh kerajaan di-seluroh pelusok Negeri Brunei Darussalam ini. Chara yang sa-demikian ini ada-lah bersesuaian dengan masharakat kita orang Brunei dan ternyata bahawa Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan telah memberikan peluang seluas2-nya kapada raayat dan pendudok negeri ini untok memikul tanggong-jawab bersama terhadap kemajuan bangsa dan negara. Dengan keadaan demikian ternyata-lah juga langkah yang telah di-jalankan oleh Kerajaan itu ada-lah mendatangkan faedah dan kemajuan kapada kita dan ternyata lebeh mendatangkan kesan yang bukan hanya tiap2 raayat dan pendudok boleh menghadapkan hasrat dan pendapat mereka melalui ketua2 kampong, ahli2 Majlis Meshuarat Negeri, orang2 yang di-korniai gelaran tetapi juga mereka boleh menghadapkan sendiri melalui majlis dailog untok menghadapkan hasrat masing2 sa-bagai satu sumbangan kemajuan terhadap bangsa dan negara-nya dan dari diri-nya sendiri.

### KEMAJUAN PELAJARAN

Mari kita tinjau keadaan gerakan kemajuan pelajaran di-negeri kita pula yang dari sa-masa kamasa telah meningkat, terutama sekali dalam bidang penghantaran penuntut2 keluar negeri yang menchurah2 yang tidak terhad bilangan-nya, yang hanya terletak kapada banyak bilangan penuntut2 yang berkebolehan dan berkelayakan ada-lah satu keistimewaan yang jarang di-punyai oleh orang lain. Dengan sistem yang menggalakkan ini Insha Allah tidak berapa lama lagi penuntut2 yang telah di-hantar keluar negeri akan menchurah2 itu balek ka-Brunei membawa oleh2 dan akan memikul tanggong-jawab mereka terhadap bangsa dan negara mereka sa-sudah mereka memperolehi ilmu2 pengetahuan yang di-perlukan oleh negara. Bukan saja itu segala kemudahan2 telah di-beri dengan perchuma dari sejak murid2 itu bersekolah hingga mereka meningkat ka-persekolahan tinggi di-tanggong oleh Kerajaan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan termasok perbelanjaan makanan dan minuman di-sekolah.

### IRI HATI

Memandang kapada keadaan kemajuan kita yang sa-demikian ini ada di-antara orang yang iri hati, tidak ingin melihat keadaan orang lain berkembang dengan pesat ia-itu suatu perasaan yang tidak ingin melihat saseorang yang membuat kebajikan. Dari hasad dengki ini-lah timbul pula berbagai2 fitnah dan berbagai2 kata nistaan yang di-limparkan pada bangsa dan negara kita dengan maksud supaya semangat raayat dan pendudok Negeri Brunei yang sedang tumboh dengan subor-nya ini akan dapat di-kuchar kachirkan. Antara lain fitnah2 itu termasok-lah satu berita yang tersiar dalam surat khabar asing yang di-terbitkan dalam bahasa China mengatakan bahawa konon-nya Kerajaan Brunei hendak menaikkan gaji pegawai2-nya sa-banyak $100.00 sa-bulan dan 30% daripada gaji itu akan di-dermakan kapada Tabong Pembinaan Stadium. Fitnah yang sa-demikian ini ternyata bohong-nya kerana perkara yang sa-demikian ini menurut kelaziman bukan-lah terbit dari surat2 khabar melainkan dari sumber2 Kerajaan. Apatah lagi dari surat2 khabar asing dan berbahasa asing.

Bagi orang yang mengetahui akan selok belok perjalanan Kerajaan sudah tentu perkara ini akan di-anggap sa-bagai suatu fitnah dan dusta atau dengan kata yang lain suatu perkara yang di-ada2kan supaya fikiran raayat dan pendudok Negeri Brunei ini yang sedang menghadapi tanggong-jawab mereka terhadap pembinaan bangsa dan negara mereka untok menyambut ranchangan lima tahun yang akan di-jalankan oleh Kerajaan itu akan menghadapi kesulitan. Ada-lah patut atau munasabah perkara ini di-keluarkan oleh surat khabar yang tidak bertanggong-jawab? Pada hal yang berkenaan tidak tahu menahu? Sudah tentu ranchangan yang sa-demikian ini terbit dari orang yang sanggop membuat fitnah. Kalau kita kaji pula sejak dari pelancharan pengutipan derma Tabong Pembinaan Stadium ini di-jalankan tidak pernah kita dengar derma ini di-paksa atau di-tentukan banyaknya oleh pehak yang menjalankannya atau oleh pehak Kerajaan melainkan kalau kita semak sa-mula sabda yang di-lafazkan oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddin, dalam masa pelancharan derma tersebut, Duli Yang Teramat Mulia itu telah menegaskan bahawa derma ini ada-lah di-kehendaki di-hulorkan dengan sa-angkat2 hati dan di-sertai niat tulus ikhlas. Dengan sabda ini ternyata pula kapada kita bahawa fitnah yang di-ada2kan itu ada-lah bohong dan dusta serta tidak boleh di-perchayai.

### BIJAKSANA

Saya perchaya raayat dan pendudok Negeri Brunei yang 'arif dan bijaksana tidak akan terpengaroh kapada fitnah yang dusta itu dan akan tetap berwaspada untok menghindarkan diri dari anasir2 yang jahat yang mengachau ketenteraman kita, keamanan kita, kesentosaan kita dan kemajuan kita supaya negeri kita yang sedang membangun akan terus maju dan kita yang menyertai-nya terus menghadapi tanggong-jawab terhadap bangsa dan negara kita dan berdo'a mudah2an kita akan di-pelihara Tuhan dari fitnah itu. Di-samping itu bukan hanya kita berserah kapada Allah Subhanahu Wata'ala untok memohonkan rahmat dan pemeliharaan daripadanya sahaja, tetapi kita mesti-berjaga2 dan berwaspada untok mengelakkan fitnah itu dan melaporkan-nya kapada pehak Kerajaan serta menghadapi anchaman2 itu dengan perasaan tabah dan bertawakkal dengan sapenoh2-nya untok memohonkan perlindongan kapada Allah Subhanahu Wataala dengan azam yang kukoh serta bersunggoh2 meminta keredzaannya dengan harapan supaya dapat kita berkhidmat terus menerus kapada negara dan menyembahkan ta'at setia kita yang tidak berbelah bagi kapada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan sabagaimana semangat datok nenek kita yang turun temurun sejak zaman berzaman.

# Puasa melateh kita utk mengendalikan hawa nafsu

## KHUTBAH JUMA'AT

DENGAN ketibaan bulan Ramadhan maka sa-tiap orang Islam yang akil baligh dan tidak mempunyai keudzuran pada shara di-wajibkan mengerjakan puasa. Puasa ada-lah soal yang sentiasa menarek kerana dalam puasa kita melateh diri mengendalikan hawa nafsu. Dalam puasa kita melateh hidup berperatoran, tahu akan atoran2 dan larangan2 yang sudah di-tentukan oleh Allah Subhanahu-Wataala.

Kewajipan puasa Ramadhan ini sa-bagaimana sama2 kita maklomi ada-lah kewajipan yang bukan khusus diperentahkan ka-atas umat Muhammad sahaja, bahkan ibadat puasa ini ada-lah yang turun-temurun sejak zaman purbakala, sejak sa-belum Muhammad di-lahirkan kewajipan puasa itu telah ada. Sa-bagaimana terbokti menurut firman Allah di-dalam Al-Quran yang bermaksud:

**"Wahai orang2 yang beriman, di-wajibkan atas kamu berpuasa sa-bagaimana juga telah pernah di-wajibkan ka-atas umat sa-belum kamu semoga kamu bertambah taqwa, beberapa hari yang tertentu".**

Puasa Ramadhan ada-lah salah satu rukun Islam yang lima. Menurut Islam, tidak di-kechualikan kewajipan itu bagi siapa sahaja yang mukalaf mengaku Islam, sa-lain daripada orang2 tua atau orang2 sakit yang tiada di-harapkan semboh-nya, tetapi itu pun bagi kedua yang tersebut di-mestikan membayar kafarah-nya yang tertentu tiap2 hari yang ia tiada berpuasa.

Dari itu, kewajipan puasa itu hendak-lah kita jaga dengan sebaik2-nya dan kita kerjakan dengan sempurna, jangan sekali2 kita abaikan atau kita ringan2kan. Barang siapa yang tidak berpuasa sedangkan ia mengaku dirinya penganut Ugama Islam dan pengikut Nabi Muhammad s.a.w. dan berani pula mengatakan, bahawa puasa itu ada-lah tidak wajib dan pekerjaan bodoh, serta melapar2kan perut sahaja, maka orang2 saperti ini ada-lah di-anggap keluar dari ugama Islam.

Mari-lah kita ikuti hadith Nabi dan bagaimana pandangan Islam terhadap orang yang suka membatalkan puasa atau tidak mengerjakan puasa. Di-antara-nya ia-lah sabda Rassulullah s.a.w. yang bermaksud:

**"Barang siapa berbuka puasa (tidak berpuasa) satu hari dari bulan Ramadhan, tidak kerana di-haruskan oleh ugama dan tidak pula kerana sakit, tidak dapat di-ganti-nya walaupun ia puasa selama2-nya".**

Dari hadith ini bermacham2 pendapat Ugama Islam tentang ganti atau qada' puasa yang di-tinggalkan oleh sa-orang yang tidak ada satu sebab yang mengharuskan dalam ugama, Imam An-kha'i berpendapat: **"Meng-qada puasa yang di-tinggalkan oleh sa-seorang tiap sa-hari wajib di-qada dengan tiga ratus hari".**

Ibni Mussiaf mengatakan **"tiap2 sa-hari yang di-batalkan itu wajib di-ganti (qada) dengan sa-bulan.** Dan menurut kebanyakan ulama: **Tiap2 sa-hari dari puasa yang di-batalkan itu di-wajibkan meng-qada-nya sa-hari juga, tetapi bukan-lah dengan sebab-nya menghapuskan dosa meninggalkan puasa itu".**

Demikian berat-nya soal puasa Ramadhan itu yang tidak-lah dapat di-ringan2kan bagitu sahaja kalau tidak ada keudzuran pang di-bolehkan oleh ugama. Oleh yang demikian, mari-lah kita sama2 mengerjakan puasa Ramadhan ini dengan ikhlas dan jujor semat2 kerana Allah mudah2an dengan demikian akan menjadi-lah kita orang yang bertambah taqwa.

## Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

*Waktu2 sembahyang imsak dari matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 3hb. Oktober, hingga ka-hari Selasa 9hb. Oktober, 1973 ada-lah saperti di-bawah ini:—*

| Hari Bulan | Dzohor | Asar | Magrib | Isha | Imsak | Suboh | Matahari Terbit |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 3hb. Okt. | 12-16 | 3-33 | 6-17 | 7-31 | 4-35 | 4-50 | 6-07 |
| 4hb. Okt. | 12-16 | 3-33 | 6-17 | 7-31 | 4-35 | 4-50 | 6-07 |
| 5hb. Okt. | 12-16 | 3-33 | 6-17 | 7-31 | 4-35 | 4-50 | 6-07 |
| 6hb. Okt. | 12-14 | 3-32 | 6-14 | 7-30 | 4-34 | 4-49 | 6-06 |
| 7hb. Okt. | 12-14 | 3-32 | 6-14 | 7-30 | 4-34 | 4-49 | 6-06 |
| 8hb. Okt. | 12-14 | 3-32 | 6-14 | 7-30 | 4-30 | 4-49 | 6-06 |
| 9hb. Okt. | 12-14 | 3-32 | 6-14 | 7-30 | 4-34 | 4-49 | 6-06 |

*Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.*

*Sembahyang Juma'at di-seluroh Negeri Brunei di-mulai pada pukol 12-45 tengah hari.*





AWANG Haji Mashud bin Awg. Damit (kiri) dan Hajjah Dayang Damit binte Mohd. Yusof, kedua2-nya peserta dari Daerah Brunei/Muara yang telah berjaya menjadi johan dalam Pertandingan Membacha Quran Peringkat Negeri kali yang ke-16 yang telah berlangsong di-Bandar Seri Begawan baru2 ini.

Bagi Awang Haji Mashud kemenangan-nya tahun ini ada-lah merupakan kemenangan kali yang keiga. Beliau juga menyandang johan pertandingan itu dalam tahun2 1971 dan 1972.

Manakala Hajjah Dayang Damit kemenangan ini merupakan kemenangan-nya yang kedua. Beliau menyandang johan qariah dalam tahun 1966. — Gambar2 JHEU/BP.

## Jadual buka puasa dan imsak

| TARIKH MASEHI | WAKTU BUKA | WAKTU IMSAK |
|---|---|---|
| 1hb. hingga 5hb. Oktober, 1973. | 06.17 Petang | 04.35 Suboh (Pagi) |
| 6hb. hingga 10hb. Oktober, 1973. | 06.14 Petang | 04.34 Suboh (Pagi) |
| 11hb. hingga 15hb. Oktober, 1973. | 06.12 Petang | 04.34 Suboh (Pagi) |
| 16hb. hingga 20hb. Oktober, 1973. | 06.11 Petang | 04.33 Suboh (Pagi) |
| 21hb. hingga 25hb. Oktober, 1973. | 06.10 Petang | 04.33 Suboh (Pagi) |
| 26hb. hingga 31hb. Oktober, 1973. | 06.09 Petang | 04.33 Suboh (Pagi) |

**Peringatan:** Ketetapan waktu2 tersebut bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga (3) minit pada tiap2 waktu.

## 3,622 chalun ka-sek. Inggeris

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-ramai 3,622 orang murid dari sekolah2 Rendah Melayu di-negeri ini akan mengambil pepereksaan pemilehan untok memasoki sekolah2 Inggeris kerajaan dalam tahun 1974.

Pepereksaan itu akan di-adakan pada 10hb. Nobember tahun ini.

Bilangan itu ada-lah yang terbesar di-daftarkan bagi pepereksaan tersebut. Sa-ramai 3,467 orang murid telah mengambil pepereksaan itu tahun lalu.

Pechahan bagi bilangan murid2 di-tiap2 daerah ia-lah 2,205 orang di-Daerah Brunei Muara; 565 orang di-Daerah Belait, 688 di-Daerah Tutong dan 164 di-Daerah Temburong.

Sa-orang juruchakap bagi Jabatan Pelajaran menyatakan bahawa jabatan itu telah menyediakan 18 buah pusat pepereksaan di-seluroh negeri.

Sa-banyak 11 buah daripada-nya ada-lah di-Daerah Brunei/Muara, empat di-Daerah Tutong, dua di-Daerah Belait dan sa-buah di-Daerah Temburong.

PELITA BRUNEI

(3hb. Oktober, 1973)

## ZAKAT FITRAH

SAPERTI hal-nya dengan tahun2 lalu, maka pada tahun ini dengan perkenan D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Majlis Ugama Islam telah melantek 105 orang Amil di-seluroh negeri dengan tujuan untok mengutip fitrah dari seluroh Umat Islam di-Brunei.

Perlu-lah di-tegaskan bahawa seluroh Umat Islam di-negeri ini hendak-lah membayar zakat fitrah-nya kapada Amil2 yang di-lantek di-kawasan masing2.

Kadar fitrah pada tahun ini bagi sa-orang Isiam ada dua perkara, pertama, menurut Mazhab Shafiee, fitrah hanya sah di-keluarkan dengan beras ia-itu mengikut timbangan dalam negeri ia-lah sa-banyak 3 kati 12 tahil.

Kedua, menurut Mazhab Hanafi, fitrah sah di-keluarkan dengan nilaian mata wang dengan mengikut harga beras sabanyak 3 kati 12 tahil.

Zakat fitrah bagi tiap2 sa-orang Islam di-negeri ini ada-lah sah di-keluarkan menurut salah satu daripada dua perkara yang tersebut di-atas ia-itu sama ada mengeluarkan beras ia-itu makanan yang biasa di-makan di-negeri ini — sabanyak 3 kati 12 tahil atau mengeluarkan wang mengikut nlaian harga beras 3 kati 12 tahil menurut harga di-Daerah masing2.

Dengan itu ada-lah juga di-serukan supaya Umat Islam harus mengeluarkan zakat fitrah mereka pada awal bulan Ramadhan ini dan wajib mengeluarkan mulai pada malam Hari Raya sa-hingga Imam mendirikan sembahayang Hari Raya.

Hasil dari kutipan zakat itu nanti di-kumpulkan untok di-bahagi2kan kapada fakir dan miskin di-negeri ini siapa yang telah mendaftarkan nama mereka kapada Amil2.

Sebab itu mulai dari sekarang mereka yang boleh di-sifatkan sa-bagai fakir dan miskin dan berhak mendapat bayaran zakat dan fitrah hendak-lah dengan segera mendaftarkan nama mereka sa-belum sampai pertengahan bulan Ramadhan ini.

Pembayaran2 seterus-nya kapada fakir dan miskin akan di-lakukan dari pertengahan bulan Ramadhan sa-hingga menjelang-nya Hari Raya. Tentu-lah mendatangkan kesulitan jika mereka mendaftarkan nama sa-lepas pertengahan bulan Ramadhan dan ada kemungkinan pendaftaran mereka tidak akan di-layan.

Saperti apa yang telah di-fahamkan bahawa Majlis Ugama Islam sekarang telah menguntokkan wang sa-banyak $35,000.00 untok di-bahagi2kan kapada fakir dan miskin di-seluroh negeri ini dan jika pendaftaran itu berjalan lanchar dan mereka yang mendaftarkan nama mengetahui kedudokan se-benar-nya apa yang di-maksudkan sa-bagai orang2 yang berhak menerima zakat fitrah maka ia-nya tidak akan banyak mengalami kesulitan apa2.

Jika orang itu di-fikirkan bukan terdiri dari gulongan orang2 fakir dan miskin, maka sia2 saja pendaftaran-nya, sa-bagai Umat Islam harus berchakap benar dan jujor.

# Majlis Pelajaran di-bentok: Peranan penting pegawai2 Jabatan Pelajaran di-perlukan

**UCHAPAN sa-penoh Pemangku Setia Usaha Kerajaan, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdul Aziz ketika merasmikan Meshuarat Pertama Majlis Pelajaran yang telah berlangsong di-Bilek Meshuarat Dewan Bahasa dan Pustaka pada hari Khamis minggu lalu.**

TERLEBEH dahulu saya dengan sukachita dan dengan penoh keshukoran menguchapkan tahniah yang setinggi2-nya kapada semua anggota Majlis Pelajaran ini atas lantekan tuan2 pada menganggotai satu Majlis yang akan menjalankan peranan yang amat penting dalam perkembangan pelajaran dan pendidekan bagi Negeri Brunei Darus Salam yang terchinta ini. Lantekan2 sa-bagai anggota Majlis ini bukan sahaja-lah satu kehormatan kapada tiap2 ahli tetapi lebeh2 lagi sa-bagai satu penghargaan atau recognition terhadap sifat2 dan kebolehan2 ahli2 itu dalam serba bidang dan juga pada meletakkan satu tanggong-jawab yang amat penting terhadap bangsa dan negara. Dalam Ranchangan Kemajuan Negara Lima Tahun yang baharu dan selanjut-nya apa jua chorak hidup di-negeri ini usaha2 kapada melateh untok melayakkan tenaga raayat atau bagi menyahut keperluan2 tenaga yang terlateh dan sesuai untok memenohi kehendak2 Ranchangan Kemajuan Negara dengan tujuan supaya nikmat maksima yang di-dapati dari apa jua usaha yang berkebajikan di-negeri ini di-chipta dan di-rasai oleh raayat dan pendudok negeri ini pada menuju ka-arah satu kehidupan yang stabil dan sempurna dalam apa aspek jua pun ada-lah di-utamakan. Peranan perkembangan pelajaran ia-lah kunchi bagi keperluan2 itu. Pada Jabatan Pelajaran dan majlis ini-lah terletak harapan itu.

Sa-lain dari itu dan sama penting-nya usaha2 atau tanggong-jawab2 yang akan di-serahkan kapada Majlis ini ada-lah juga merupakan pendidekan kesempurnaan pendirian, fikiran, keta'atan serta keimanan bagi seluroh raayat dan pendudok yang ikut berlindong di-bawah Panji2 Kerajaan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei. Dalam erti kata lain Majlis ini akan mempunyai pengaroh2 dan peranan2 utama dalam kestabilan dan kesempurnaan mental masharakat Brunei dalam satu keadaan yang serba rioh di-sekeliling-nya itu.

Laporan Surohanjaya Pelajaran 1972 yang telah di-perkenankan perlaksanaan-nya oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan merupakan satu approach yang dinamik dan mempunyai pandangan2 bagi jangka panjang dan di-selimuti oleh semangat keperwiraan ini akan pudar jika Majlis Pelajaran yang telah di-berikan amanah itu tidak menjalankan peranan-nya sa-jauh yang di-perlukan.

Dalam hal ini saya bershukor kapada Allah Subhanahu-Wataala sa-telah meneliti kertas kerja pertama yang akan di-binchangkan oleh Majlis hari ini saya penoh yakin bahawa anggota2 Majlis ini membayangkan sifat2 serious terhadap tanggong-jawab yang di-berikan kapada mereka masing2 itu. Pada peringkat perlaksanaan-nya Pengarah Pelajaran dan melalui Pengarah Pelajaran, seluroh anggota Jabatan Pelajaran ada-lah di-pertanggong-jawabkan untok menyempurnakan apa jua yang di-putuskan oleh Majlis ini atau oleh Kerajaan melalui Majlis ini dengan semangat-nya sekali. Tidak shak lagi bahawa kegiatan Pengarah Pelajaran khas-nya serta dengan kejujoran dan keikhlasan pada menumpukan tugas ka-arah kesempurnaan tugas2 dan tanggong-jawab itu sangat-lah di-perlukan. Tanpa kejujoran, inisiatif dan tumpuan tenaga ka-arah tugas sa-bagai Pengarah Pelajaran, maksud dan semangat Laporan Surohanjaya Pelajaran 1972 ini akan gagal dalam perlaksanaan-nya dan kegagalan itu akan membayangkan kelemahan usaha2 dalam bidang pelajaran yang berkebajikan untok raayat dan pendudok negeri ini yang mana juga akan menghampakan harapan kita bersama.

### MENGUSAI DIRI

Dari itu saya berseru kapada Pengarah Pelajaran khasnya dan melalui Pengarah Pelajaran kapada semua anggota2 Jabatan Pelajaran untok mensesuaikan dan mengusai diri masing2 pada menumpukan buah fikiran dan tenaga dan menimbulkan inisiatif2 sa-chuchok dengan keperluan dan semangat Laporan Surohanjaya Pelajaran 1972 ini. Saya perchaya tidak ada keperluan-nya bagi saya menekankan harapan ini kerana harapan sa-demikian ada-lah di-tujukan kapada kaum2 pendidek yang lazim-nya mempunyai semangat dan jiwa pendidek yang asal dan sedia tersemat mengalir dalam darah guru2 dan maha guru yang tulin. Pendidek harus mengetahui dan mengamalkan jiwa pendidek sebenar-nya.

Sa-bagaimana yang sedia di-maklomi oleh Pengarah Pelajaran, peruntokan bagi tahun 1974 bagi pertama kali-nya ada-lah merupakan dan di-sechuchokkan dengan semangat dan keperluan Surohanjaya Pelajaran 1972 itu. Rangka2 atau bahagian2 peruntokan itu senghaja di-ator dengan satu chara yang membolehkan beberapa persesuaian sa-chuchok dengan keperluan yang saya sebutkan itu. Rangka dan bahagian yang rigid sa-takat yang munasabah telah dapat di-hindarkan dengan tujuan pada memberikan peluang untok Majlis Pelajaran membuat kesesuaian2 yang munasabah, dari satu masa ka-satu masa Sa-lain dari itu Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga telah memperkenankan jawatan Ketua Yunit Peranchangan, Kajian dan Bimbingan untok di-adakan bagi tahun ini yang mana saya perchaya perlantekan sa-orang pegawai yang sesuai sedang di-usahakan oleh Pengarah Pelajaran. Maka dengan persediaan2 itu saya penoh perchaya pehak Majlis Pelajaran dan Pengarah Pelajaran melalui Majlis Pelajaran akan dapat menyempurnakan tugas2 mereka sa-bagaimana yang di-maksudkan.

Mengenai dengan peruntokan bagi tahun 1974 bagi Jabatan Pelajaran, saya harap dan perchaya pehak Pengarah Pelajaran akan menggunakan kebijaksanaan-nya pada mendapatkan kaedah2 maksima dengan tidak menurunkan efficiency yang di-perlukan. Pada pendapat saya sendiri di-antara sifat2 orang yang bijaksana ia-lah mereka yang boleh menjalankan usaha dalam sesuatu keadaan yang di-berikan bagi menchapai satu peringkat efficiency yang lebeh bermutu daripada yang sudah2. Sifat yang suka menyalahkan sudut yang lain saperti alasan kekurangan peruntokan maka menyebabkan turun-nya efficiency saya sendiri anggap sa-bagai sifat orang2 yang tidak bertanggong-jawab atau tidak mahu bertanggong-jawab.

Maka dengan ingatan saperti itu saya harap dan penoh yakin Majlis ini dan Pengarah Pelajaran melalui Majlis akan berusaha terhadap kesempurnaan pelajaran di-negeri ini pada menyempurnakan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan untok kebaikan raayat dan pendudok negeri ini.

# 800 orang chalun masok pereksa GCE

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Pelajaran bahagian pepereksaan telah mendaftarkan sa-jumlah 800 orang chalun untok mengambil pepereksaan Sijil Pelajaran Am — G.C.E. dalam bulan Januari tahun depan.

Pepereksaan itu ia-lah bagi peringkat 'O' dan peringkat tertinggi dan akan di-adakan pada 1hb. hingga 25hb. Januari.

Sa-ramai 400 orang chalun akan mengambil pepereksaan tersebut di-Maktab Anthony Abell, Seria dan 400 orang lagi Sekolah Melayu Pusar Ulak, Bandar Seri Begawan.

Mata pelajaran yang akan di-pereksa termasok-lah bahasa Inggeris, Ilmu Alam, Ilmu Hisab, Tawarikh, Bahasa Melayu biology, sains, kejuruteraan teknikal, physics dan chemistry.

Sa-orang juruchakap Jabatan Pelajaran Bahagian Pepereksaan berkata bilangan ini ada-lah yang paling besar bagi chalun2 mengambil pepereksaan tersebut berbanding dengan tahun2 yang sudah.



Empat buah kapal ronda dan sabuah pesawat hovercraft dari Angkatan Laut Pertama Askar Melayu Diraja Brunei telah melakukan lawatan ka-Kuala Belait sa-lama tiga hari baru2 ini.

Lawatan itu ada-lah yang pertama ka-daerah itu sejak pasokan itu di-tubohkan.

Semasa bedada di-sana kapal2 tersebut dan pesawat hovercraft itu telah di-buka untok kunjongan orang ramai dan mereka juga di-beri peluang untok menaiki kapal2 tersebut.

Gambar atas menunjokkan sabahagian dari beratus2 orang yang mengunjongi salah sa-buah kapal ronda tersebut.

# *Belia2 di-seru memboktikan kesanggupan untok berkhidmat kapada negara*

BANDAR SERI BEGAWAN. — Belia2 di-Brunei telah di-seru supaya mengambil langkah2 yang positif untok memboktikan kesanggupan mereka berkhidmat kapada negara, bangsa dan Ugama.

Seruan itu telah di-buat oleh Penolong Pegawai Daerah Brunei/Muara, Awang Jaya bin Abdul Latif sa-belum beliau merasmikan perlawanan pingpong peringkat akhir anjoran Ikatan Persatuan Belia Bunut di-Pusat Belia Bandar Seri Begawan pada minggu lalu.

Penolong Pegawai Daerah Brunei/Muara itu mensifatkan peranan belia dalam kegiatan2 mereka sama ada di-kampong2 atau di-bandar2 merupakan semangat belia yang mempopulari perubahan.

Awang Jaya menegaskan bahawa tenaga belia ada-lah di-harapkan untok kepentingan negara dan ugama berdasarkan keperibadian bangsa Brunei sendiri.

Dalam perlawanan pingpong itu Persatuan Kampong Pandai Besi 'A' telah munchol sa-bagai johan dan memenangi piala yang di-hadiahkan oleh Dato Paduka Marsal bin Maun.

Naib johan di-menangi oleh Persatuan Tiba dan tempat ketiga jatoh kapada Hong Kong dan Shangkai Bank.

Awang Leong Wing Lee dari Persatuan Kampong Pandai Besi 'A' telah terpileh sa-bagai pemain terbaik perseorangan dan telah menerima piala rebutan yang di-hadiah oleh Awang Haji Nordin bin Abdul Latif.

Perlawanan itu ada-lah sabagai sa-bahagian dari perayaan sambutan hari puja usia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei yang ke-27 tahun.

MENDERMA-LAH KAPADA TABONG PEMBINAAN STADIUM



Pemain2 Persatuan TIBA di-perkenalkan kapada Awang Jaya bin Abdul Latif sa-belum perlawanan di-mulakan.

# Pepereksaan RSA dalam bulan Nob.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pepereksaan Royal Society of Arts akan di-adakan dalam bulan Nomber 1973.

Jabatan Pelajaron Bahagian Pepereksaan telah menetapkan tiga buah pusat pepereksaan dan pepereksaan ini akan dimulakan pada 15hb. Nobember hingga 29hb. Nobember.

Sa-ramai 128 chalun akan mengambil pepereksoan itu di-Maktab SOAS, Bandar Seri Begawan, 202 di-Maktab Anthony Abell, Seria dan 146 lagi di-Sekolah Inggeris Perdana Wazir, Kuala Belait.

Pepereksaan itu di-bohagikan kapada tiga bahagian iaitu Tingkatan Satu, Dua dan Tiga.

Antara mata2 pelajaran yang termasok dalam pepereksaan tersebut ia-lah book-keeping, trengkas, bahasa Inggeris untok bangsa asing, bahasa Inggeris, accounting dan kira2.

# Wakil sharikat iklan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pengawal Talikom Negara memaklomkan kapada orang ramai ia-itu perwakilan2 dari General Telephone Directory Company akan berada di-Brunei dari 30hb. September hingga 14hb. Oktober bagi tujuan berbinchang tentang iklan2 untok Halaman2 Kuning Panduan Talipon Brunei 1974.

Orang ramai ada-lah di-nasehatkan supaya mengambil perhatian ia-itu perwakilan2 penjualan dari General Telephone Directory Company itu akan membawa satu kad pengenalan berserta dengan nombor dan gambar yang di-keluarkan oleh Jabatan Talikom dan mereka itu saja-lah orang yang di-berikan kuasa untok membinchangkan bagi pehak sharikat tersebut.

# *Sa-orang lagi penuntut lanjutkan pelajaran ka-U.K.*

BANDAR SERI BEGAWAN. — Awang Nor Ariffin bin Mohamed Yassin sa-orang penuntut Brunei dari Instituit Teknologi Mara telah berlepas ka-London pada minggu lalu untok menyambong pelajarannya di-sana atas biasiswa Kerajaan Brunei.

Awang Nor Ariffin akan mengambil diploma dalam jurusan art and design di-Croydon College of Art and Design England.

Sementara itu, sa-orang guru dari Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan, Che'gu Ali Hashim bin Haji Daud telah berlepas ka-London pada hari Ahad lalu untok mengambil diploma pendidekan di-Universiti Hull England salama satu tahun atas biasiswa Commonwealth.

Che'gu Ali Hashim sa-belum itu, telah lulus dengan mendapat ijazah Sarjana Muda Sains dari North East London Polytechnic dalam tahun 1972.

# TEMPAT2 PEMBAYARAN ZAKAT FITRAH BAGI TAHUN INI

MAJLIS Ugama Islam Negeri Brunei dengan perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan telah melantek sa-ramai 105 orang Amil untok mengutip bayaran zakat fitrah bagi tahun Hijrah 1393 ini.

Sa-ramai 77 orang dari Amil2 itu akan mengutip zakat fitrah di-Daerah Brunei/Muara; 8 orang di-Daerah Belait; 14 orang di-Daerah Tutong dan 6 orang di-Daerah Temburong.

Sa-orang Juruchakap Majlis Ugama Islam menyeru kapada raayat dan penduduk Islam di-negeri ini supaya membayar zakat fitrah kapada Amil2 yang di-lantek di-kawasan masing2.

Zakat fitrah boleh di-bayar dari sekarang dan tidak lewat dari Imam mendirikan sembahyang Hari Raya.

Berikut ini ia-lah nama2 Amil dan tempat2 membayar zakat fitrah di-seluroh negeri:

## KAWANSAN BANDAR SERI BEGAWAN

Pehin Si-Raja Khatib Haji Abd. Hamid bin Pehin Setia Pahlawan Haji Mohd. Ja'afar bagi **Bolkiah Kem dan sekitar-nya, Jalan Merdeka, Jalan Perayaan, Istana Edinburgh, Jalan Bahagia, Jalan Rakis, Jalan Telepok, Jalan Melabau, Jalan Melabau Baru, Jalan Temenggong dan Jalan Tapak Kuda (di-Mesjid Omar Ali Saifuddin).** Pehin Tuan Imam Dato Paduka Hj. Mohd. Yussof bagi **Jalan Simpang Gadong, Jalan Kumbang Pasang, Jalan Sinuai, Jalan Tutong sebelah kanan dan Kampong Pusar Ulak (di-Mesjid Omar Ali Saifuddin).**

Pehin Khatib Mohd. Yussof bin Abd. Latif bagi **Jalan Ong Sum Ping, Kampong Mabohai, Kampong Tungkadeh. Kawasan Workshop/JKR, Jalan Dato Marsal dan Jalan menuju ka-tasek (di-Mesjid Omar Ali Saifuddin).** Pehin Khatib Haji Juned bin Jamuddin bagi **Jalan Dato Taib, Jalan Padang, Jalan Lintang, Jalan Tengah, Jalan Sekolah, Jalan Tasek, Jalan Dato Isa dan Jalan Simpang (di-Mesjid Omar Ali Saifuddin).** Mudim Ag. Sirat bin Abdullah bagi **Kedai2, Kampong Kianggeh, Kawasan Pulis, Jalan Stoney, Jalan Dato Ibrahim, Kampong Berangan dan Jalan Residency (di-Mesjid Omar Ali Saifuddin).**

Pehin Udana Khatib Haji Awg. Tamin bin Abd. Hamid bagi **Kampong Sumbiling Lama, Balai Bomba dan Jalan Sumbiling (di-Mesjid Omar Ali Saifuddin).** Pengiran Puteh bin Pengiran Ahmad bagi **Kampong Sumbiling Baru (di-rumah Ketua Kampong.** Pehin Khatib Haji Abd. Hamid bin Metassan bagi **Batu 1 hingga batu 3 dan Jalan Tutong (di-Mesjid Omar Ali Saifuddin).** Pehin Orang Kaya Perbendahara'an Diraja Dato Seri Laila Jasa Haji Ali Hussain bagi **Kawasan Istana dan sekitar-nya dan Kampong Bandung (di-Surau Istana.)**

## KAWASAN KG. AYER

Awang Hj. Mohd. Don bin Ag. Taha bagi **Kampong Bukit Salat (di-rumah Amil).** Awang Mohd. Noor bin Md. Yusof (Ketua Kampong) bagi **Kampong Ujong Bukit (di-rumah Amil).** Awang Mohd. Noor bin Pehin Khatib Abd. Razak (Ketua Kampong) bagi **Kampong Limbongan (di-rumah Amil).** Awang Haji Mohd. Salleh bin Pehin Penyurat Mat Seruddin bagi **Kampong Sungai Kedayan "A" (di-rumah Amil).** Awang Haji Abd. Aziz bin Ahmad bagi **Kampong Sungai Kedayan "B" (di-rumah Amil).** Awang Abu Bakar bin P.O.K. Seri Wangsa Haji Abd. Hamid (Kaki Tangan JHEU.) bagi **Kampong Hujong Tanjong dan Kampong Kuala Peminyak (di-rumah Amil).** Pengiran Ibrahim bin Pg. Ahmad (Kaki-tangan JHEU) bagi **Kampong Pengiran Pemancha Lama (di-rumah Amil).**

Pengiran Anak Metassan bin Pg. Anak Sabtu Kamaludin (Ketua Kampong) bagi **Kampong Pengiran Bendahara Lama (di-rumah Amil).** Pengiran Zainal bin Pg. Mat Yassin (Kaki Tangan JHEU) bagi **Kampong Pengiran Kerma Indera Lama dan Kampong Pengiran Tajuddin Hitam (di-rumah Amil).** Pengarah Haji Metussin bin Abdullah (Ketua Kampong) bagi **Kampong Tamoi Tengah dan Kampong Tamoi Hujong (di-rumah Amil).** Begawan Pehin Khatib Haji Moksin (Kaki Tangan JHEU) bagi **Kampong Burong Pinggai "Ayer" (di-rumah Amil.** Awang Haji Bakar bin Hj. Hashim bagi **Kampong Lurong Dalam (di-rumah Amil).** Pengarah Di-Gadong Awang Haji Abu Bakar bagi **Kampong Sungai Pandan "A" dan Kampong Sungai Pandan "B" (di-rumah Amil).**

Awang Ismail bin Ja'afar (Ketua Kampong) bagi **Kampong Pandai Besi "A" dan Kampong Pandai Besi "B" (di-rumah Amil).** Pengiran Damit bin Pg. Ahmad bagi **Kampong Setia Negara dan (Kampong Pekan Lama (di-rumah Amil).** Pengiran Dato Paduka Hj. Buntar bin Pg. Mat Ja'afar bagi **Kampong Pg. Si-Raja Muda "A", Kampong Pg. Si-Raja Muda "B" dan Kampong Bakut Berumput (di-rumah Amil).** Awang Haji Ibrahim bin Pehin Khatib Mohammad (Kaki-tangan Jabatan Kerja Raya) bagi **Kampong Lurong Sikuna (di-rumah Amil).** Pengarah Haji Abdullah bin Pengarah Perseh (Ketua Kampong) bagi **Kampong Saba Laut (di-rumah Amil).** Che'gu Awang Haji Abd. Hamid bin Hj. Perali (Guru Ugama) bagi **Kampong Saba Tengah dan Kampong Saba Hujong (di-rumah Amil).**

Awang Haji Ahmad bin Pateh Haji Tengah (K. Kampong) bagi **Kampong Saba Darat "A" (di-rumah Amil).** Awang Haji Mohd. Zain bin Takong (K. Kampong) bagi **Kampong Saba Darat "B" (di-rumah Amil).** Awang Damit bin Merali (Ketua Kampong) bagi **Kampong Pekilong Muara (di-rumah Amil).** Awang Haji Abd. Rahman bin Abdullah (Ketua Kampong) bagi **Kampong Setia Pahlawan Lama (di-rumah Amil).** i: Awang Haji Ismit bin Pengarah Mukim Haji Naim (Ketua Kampong) ii: Che'gu Hamidon bin Pehin Si-Raja Khatib Haji Abd. Hamid (Guru Ugama) bagi **Kampong Peramu (di-rumah Amil).** Awang Haji Ludin bin Gapar (Ketua Kampong) bagi **Kampong Sungai Kebun Darat dan Kampong Tarap Bau (di-rumah Amil).** Awg. Idris bin Lingga (Kaki Tangan Pejabat Ukor) bagi **Sungai Kebun Laut (di-rumah Amil).** Pateh Hj. Masri bin Ismail (Ketua Kampong) bagi **Kampong Setia (di-rumah Amil).**

## KAWASAN LUAR BANDAR DAERAH BRUNEI/MUARA

Khatib Mesjid Setia Ali Pekan Muara bagi **Tanjong Pelumpong, Pekan Muara dan Kampong Mesjid Lama (di-Mesjid Setia Ali Pekan Muara).** Imam Mesjid Setia Ali Pekan Muara bagi **Kampong Sabun, Kampong Serasa dan Kampong Kapok (di-Mesjid Setia Ali Pekan Muara).** Imam Mesjid Kampong Salar bagi **Kampong Salar dan Kampong Tanah Jambu (di-Mesjid Kampong Salar).** Imam Mesjid Kampong Batu Marang bagi **Kampong Batu Marang (di-Mesjid Kampong Batu Marang).** Che'gu Pengiran Yusof bin Pengiran Sabtu (Guru Ugama) bagi **Kampong Mentiri (di-rumah Ketua Kampong).** Imam Mesjid Sungai Hanching bagi **Kampong Sungai Hanching, Kampong Salambigar dan Kampong Sungai Tilong (di-Mesjid Kampong Sungai Hanching).** Haji Abd. Rahman bin Mansor (Ketua Kampong) bagi **Kampong Manggis, Kampong Sungai Akar dan Kampong Madang (di-rumah Amil).**

Imam Mesjid Kampong Sungai Besar bagi **Sungai Besar (di-Mesjid Kampong Sungai Besar).** Ag. Hj. Juna bin Kahar (Ketua Kampong) bagi **Perpindahan Terunjing dan Lambak (di-rumah Amil).** Che'gu Abd. Kadir bn Haji Talib (Guru Ugama) bagi **Serusop termasok Kawasan Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan, Khemah Tahanan Berakas dan Barek Pulis Air Port dan sekitar-nya (di-rumah Amil).** Imam Mesjid Sufri Bolkiah bagi **Kampong Jaya Bakti, Kampong Jaya Setia dan Kampong Burong Pingai (Berakas) (di-Mesjid Sufri Bolkiah).** Pengiran Haji Buntar bin Pg. Sulaiman (Ketua Kampong) bagi **Kampong Delima Satu (di-rumah Amil).** Awang Haji Abd. Samad bin Serudin (Ketua Kampong) bagi **Kampong Pancha Delima (di-rumah Amil).** Ak. Yahya bin Pg. Hashim (Ketua Kampong) **Kampong Anggerek Desa (di-rumah Amil).** Awang Mohammad bin Jamudin (Ketua Kampong) bagi **Kampong Orang Kaya Besar Imas dan Kampong Pulaie (di-rumah Amil).**

Awang Abd. Kadir bin Abd. Rahman (Mandor) bagi **Kampong Gadong Estate dan Kampong Rimba (di-rumah Amil dan Ketua Kampong Rimba).** Awang Apong bin Haji Mawang (Kaki-tangan Pejabat Daerah) **Kampong Tungku dan Kampong Katok (di-rumah Amil).** Awang Haji Mohammad bin Mail bagi **Kampong Mata-Mata (di-rumah Amil).** Pengiran Haji Mohd. Daud bin Pg. Haji Abd. Rahman (Kaki-tangan Pejabat Ukor) bagi **Ibu Pejabat Pulis Diraja, Barek Eletrik dan Pengkalan Gadong (di-rumah Amil dan Ibu Pejabat Pulis (Gadong).** Awang Haji Sabtu bin Ahmad (Kaki Tangan JHEU) bagi **Kampong Kiarong dan Kampong Beribi (di-rumah Amil).** Imam Mesjid Kampong Pulau Baru-Baru bagi **Kampong Pulau Baru-Baru (di-Mesjid Kampong Pulau Baru-Baru).** Imam Mesjid Kampong Pulau Berbunot bagi **Kampong Pulau Berbunot (di-Mesjid Kampong Pulau Berbunot).** Imam Mesjid Kampong Pudak bagi **Kampong Pudak dan Kampong Tanjong Kindana (di-Mesjid Kampong Pudak).** Mudim Haji Metussin bin Safar (Kaki Tangan JHEU) bagi **Dato Gandi, Pelambayan, Sungai Matan dan Sungai Belukut di-rumah Ketua Kampong atau di-rumah Amil).** Pengarah Haji Abd. Jalil bin Abdullah bagi **Kota Batu dan Kampong Petagian (di-rumah Ketua Kampong).** Awang Haji Tengah bin Hashim (Ketua Kampong) bagi **Kampong Sungai Lampai dan Kampong Pintu Malim (di-rumah Ketua Kampong).** Haji Kamis bin Tangkin (Ketua Kampong) bagi **Kampong Subok dan Kampong Belimbing (di-rumah Amil).**

Awang Japar bin Kassim (Ketua Kampong) bagi **Kampong Menunggol dan Kampong Riong (di-rumah Amil).** Imam Mesjid Kampong Kasat bagi **Kampong Kasat, Kg. Putat, Kampong Buang Sakar dan Kg. Baong (di-Mesjid Kampong Kasat).** Imam Mesjid Kampong Lumapas bagi **Lupak Luas, Buang Takurok, Panchor, Kilugus dan Lumapas (di-Mesjid Kampong Lumapas).** Imam Mesjid Limau Manis bagi **Kampong Limau Manis, Kuala Lurah, Batang Perhentian, Bukit Belimbing dan Wasan (di-Mesjid Kampong Limau Manis).** Imam Mesjid Kampong Pengkalan Batu bagi **Kampong Pengkalan Batu, Kampong Parit dan Kampong Batu Ampar (di-Mesjid Kampong Pengkalan Batu).** Imam Mesjid Kampong Masin bagi **Kampong Masin dan Kampong Babatek (di-mesjid Kampong Masin).** Imam Mesjid Kampong Panchor Murai bagi **Kampong Panchor Murai, Batong dan Imang (di-Mesjid Kampong Panchor Murai).** i: Lt. Pengiran Jaludin bin Pg. Mustafa (Anggota Askar Melayu Diraja) ii: Guru Ugama Askar Melayu Diraja bagi **Askar Melayu Diraja (di-Surau Berakas Kem).**

i: Imam Mesjid Kampong Sengkurong, ii: Bilal Mesjid Kampong Sengkurong bagi **Sengkurong "A", Sengkurong "B", Pasai, Salayon, Tagap, Sungai Tampoi, Mulaut, Tanjong Nangka, Kati Mahar, Kulapis dan Lugu (di-Mesjid Kampong Sengkurong).** Imam Mesjid Kampong Jerudong bagi **Jerudong (di-Mesjid Kampong Jerudong).** Imam Mesjid Kampong Kilanas bagi **Kampong Kilanas, Jangsek dan Kampong Tanjong Bunut (di-Mesjid Kampong Kilanas).** Pg. Haji Abas bin Pg. Haji Besar (Kaki Tangan Jabatan Perpindahan) bagi **Kampong Tasek Meradun (di-rumah Amil).** Imam Mesjid Bunut bagi **Kampong Bunut (di-Mesjid Bunut).** Pehin Kht. Haji Said bin Tengah (Kaki Tangan JHEU) bagi **Kampong Telanai dan Kampong Medewa (di-rumah Amil).** Haji Chuchu b. Hj. Nayan (Ketua Kampong) bagi **Kampong Bengkurong, Kampong Sinarubai dan Kampong Burong Lepas (di-rumah Amil).** Haji Kamis bin Metali (Ketua Kampong) **Kampong Junjongan (di-rumah Amil).** Begawan Mudim Hj. Bakar bin Mohd. Salleh bagi **Kampong Kiulap (di-rumah Amil).**

## BAGI KAWASAN DAERAH BELAIT

(i) Imam Mesjid Mohd. Jamalul Alam. (ii) Ag. Johari bin Haji Omarali (kedua2-nya Kaki-tangan JHEU) bagi **Jalan McKeron, Jalan Nakhoda Ragam (Barat), Jalan Tepi, Jalan Bunga Raya, Jalan Laksamana dan Jalan Penglima (di-Mesjid Md. Jamalul Alam).** (i) Awg. Tamin bin Tahamit. (ii) Awang Sawas bin Jebat. (Kedua2-nya

(Lihat muka 8)

# KENYATAAN2 PEGAWAI PENGUASA WARITH NEGERI BRUNEI

SURAT KUASA PESAKA
No. 32/1973.

Bahawa permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Mary binte Mohamad, Rumah No. G17/42B, Seria Negeri Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Kassim bin Yassin yang telah meninggal dunia di-dalam Seria, Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah isteri kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Kuala Belait pada 6 haribulan Oktober, 1973, pada jam pukul 9.30 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki, hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu boleh-lah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Kuala Belait sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 22 haribulan September, 1973.

SURAT KUASA PESAKA
No. 33/1973.

Bahawa permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Samah bin Ismail @ Idris, d/a Drilling Department, B.S.P. Co. Ltd., Seria, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Ismail bin Jeman @ Ismail bin Jaman yang telah meninggal dunia di-dalam Kuala Belait, Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak lelaki kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Kuala Belait pada 6 haribulan Oktober, 1973, pada jam pukul 9.30 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu boleh-lah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Kuala Belait sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 22 haribulan September, 1973.

SURAT KUASA PESAKA
No. 35/1973.

Bahawa permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Bahrom bin Masrom, Lot No. 131A, Jalan Nakhoda Ragam, Kuala Belait, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Masron bin Sanahmat yang telah meninggal dunia di-dalam Kuala Beliat, Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak lelaki kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Kuala Belait pada 6 haribulan Oktober, 1973, pada jam pukul 9.30 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu boleh-lah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Kuala Belait sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 22 haribulan September, 1973.

SURAT KUASA PESAKA
No. 36/1973.

Bahawa permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Noraini binte Abdullah @ Norani binte Said, berlamat Kampong Sungai Liang, Seria, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Said bin Limpar yang telah meninggal dunia di-dalam Seria, Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak perempuan kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Kuala Belait pada 6 haribulan Oktober, 1973, pada jam pukul 9.30 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu boleh-lah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Kuala Belait sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 22 haribulan September, 1973.

SURAT KUASA PESAKA
No. 39/1973.

Bahawa permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Abdul Lahak bin Ismail, Jabatan Kerja Raya, Labi Ulu Belait, Kuala Belait, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Ismail Larai bin Jambul yang telah meninggal dunia di-dalam Kuala Belait, Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak lelaki kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Kuala Belait pada 6 haribulan Oktober, 1973, pada jam pukul 9.30 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu boleh-lah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Kuala Belait sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 22 haribulan September, 1973.

SURAT KUASA PESAKA
No. 41/1973.

Bahawa permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Dayang Zaharah binte Ismail, H. 18/21A, Lorong 4½, Seria, Negeri Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Ismail bin Salleh yang telah meninggal dunia di-dalam Kuala Belait, Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak perempuan kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Kuala Belait pada 6 haribulan Oktober, 1973, pada jam pukul 9.30 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki, hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu boleh-lah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Kuala Belait sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 22 haribulan September, 1973.

ADMINISTRATION SUIT
No. 37 OF 1973.

Application to his Court having been made by Madam Teo Geck Hiok @ Teo Chit Moi of Lot No. 1160, Kampong China Jalan Tengah, Kuala Belait, State of Brunei for Letters of Administration to the estate and effects of Low Joon Huat late of Kuala Belait, Brunei deceased, on the ground that applicant is lawful mother of the deceased.

Notice is hereby given that application will be heard in the Courthouse at Kuala Belait on the 9th day of October, 1973, at 9.30 a.m.

All persons claiming to have any interest in the estate of the deceased are hereby required to come and see the proceeding at the time and place above mentioned.

Any person wishing to object to the application may lodge a caveat with the court of the Probate Officer, Kuala Belait before the above date.

Dated this 24th day of September, 1973.

ADMINISTRATION SUIT
No. 38 OF 1973.

Application to his Court having been made by Tang Hiong Seng of Lot No. 319, Kg. China, Kuala Belait, State of Brunei for Grant of Probate to the estate and effects of Tang Chuk Seng @ Tan Cheak Seng late of Kuala Belait, Brunei deceased, on the ground that applicant is lawful brother of the deceased.

Notice is hereby given that application will be heard in the Courthouse at Kuala Belait on the 9th day of October, 1973, at 9.30 a.m.

All persons claiming to have any interest in the estate of the deceased are hereby required to come and see the proceeding at the time and place above mentioned.

Any person wishing to object to the application may lodge a caveat witht he Court of the Probate Officer, Kuala Belait before the above date.

Dated this 24th day of September, 1973.

ADMINISTRATION SUIT
No. 40 OF 1973.

Application to this Court having been made by Lim Nget Moi of The Borneo Company (B) Ltd., Bandar Seri Begawan, Brunei, State of Brunei for Letter of Administration to the estate and effects of Joseph Lim Thien Yin late of Kuala Belait, Brunei deceased, on the ground that applicant is lawful sister of the deceased.

Notice is hereby given that application will be heard in the Courthouse at Kuala Belait on the 9th day of October, 1973, at 9.30 a.m.

All persons claiming to have any interest in the estate of the deceased are hereby required to come and see the proceeding at the time and place above mentioned.

Any person wishing to object to the application may lodge a caveat with the court of the Probate Officer, Kuala Belait before the above the above date.

Dated this 24th day of September, 1973.

**ALI BIN MOHD. DAUD**
**Tim. Pegawai Penguasa Warith, Negeri Brunei.**

## JAWATAN2 KOSONG:

### Sa-bagai Jurutrengkas Melayu

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada pegawai2 yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok di-lantek sa-bagai Jurutrengkas Melayu di-dalam Perkhidmatan Kerajaan Brunei.

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

a) Pemohon2 mesti-lah lulus sekurang2-nya Sijil Rendah Pelajaran atau yang sa-banding dengan-nya.

b) Lulus Trengkas dan Menaip Peringkat Tertinggi dan mempunyai pengalaman dalam kerja2 Trengkas dan Menaip sekurang2-nya 3 tahun.

**Gaji:**

Dalam sukatan gaji D.3 EB-4 — $410x20-510/EB/540x20-660. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

Permohonan2 hendak-lah di-hantar melalui Ketua2 Jabatan masing2, dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menghantarkan Laporan2 Sulit mengenai pemohon2 bersama2 dengan satu salinan Chatetan Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam 2 salinan borang yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 25hb. Oktober, 1973.

### Sa-bagai Pelayan

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok di-lantek sa-bagai Pelayan di-dalam Perkhidmatan Kerajaan, Brunei.

**Kelayakan2:**

Pemohon2 mesti-lah lulus sekurang2-nya Tingkatan I atau yang sa-banding dengan-nya.

**Gaji:**

Dalam sukatan gaji F. 1-2-3 EB. 4-5-$180x5-240 / EB / 245x5-260x10-290.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam 2 salinan borang yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan tidak lewat dari 12hb. November, 1973.

### Kerani Rendah di-BSP

Permohonan2 ada-lah di-pelawa oleh SHARIKAT MINYAK SHELL BRUNEI BERHAD bagi pemuda2 dan pemudi2 raayat Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei, di-timbangkan di-ambil bekerja dalam jawatan2 Kerani Rendah.

Chalun2 hendak-lah tamat persekolahan Sijil Pelajaran Malaysia atau yang sa-bandingan dengannya dan faseh berchakap serta menulis dalam bahasa Inggeris. Keutamaan di-berikan kapada mereka yang sudah berpengalaman dalam kerja kerani atau pentadbiran. Dan lagi kebolehan menaip, kelayakan dalam ilmu menyimpan kira2, trengkas atau ilmu perdagangan seumpama-nya akan lebeh baik lagi.

Permohonan2 sa-chara bertulis memberikan butir2 diri, rekod pelajaran dan keputusan pepereksaan hendak-lah di-alamatkan kapada:-
Jabatan Peranchang Kakitangan (Pengambilan),
Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad, Seria,
Negeri Brunei.
— dan pada sarong surat hendak-lah di-tulis "SULIT — KAKITANGAN KERANI RENDAH".



Pmk. Setia Usaha Kerajaan, Y.B. Dato Paduka Awang Haji Abdul Aziz ketika memereksa barisan rekrut2 baru AMDB di-upachara perbarisan tamat latehan yang telah di-adakan pada hari Jumaat lepas.

## Semangat keperwiraan

(Dari muka 1)

ya tidak ada sebab mengapa semangat keperwiraan saperti itu meresap dalam jiwa jenerasi yang ada sekarang.

Beliau berkata lapangan tentera ada-lah merupakan satu lapangan yang kena pada tempat-nya bagi pemuda2 di-negeri ini menchurahkan jasa bakti mereka kapada negara dan Sultan dan mempertahankan kegemilangan bangsa Brunei.

Raayat di-negeri ini, kata Yang Berhormat itu harus-lah sedar bahawa ketenteraman serta keselamatan negara Brunei yang di-warisi zaman berzaman ini mengharapkan semangat anggota2 Askar Melayu Diraja Brunei yang tidak akan rela melihat ketenteraman di-negeri ini di-ganggu oleh anasir2 yang anti kapada ketenteraman itu.

Yang Berhormat itu menyatakan, bahawa raayat sedar yang Negeri Brunei ada-lah sa-buah negara kechil, tetapi kekechilan itu tidak bermakna tidak di-tumbohi oleh semangat yang besar untok membangun, dan bukan bererti tidak bersemangat untok menekmati kehormonian dan kasejahteraan.

Beliau berkata oleh kerana rekrut2 itu telah menjadi anggota2 askar yang terlateh dan sempurna, beliau berharap, latehan2 yang di-berikan itu, terutama sekali dalam segi tatatertib, tidak akan di-abai2kan, bahkan akan dapat di-amalkan oleh mereka dan di-jadikan tangga penting dalam menyempurnakan dan memperbaiki lagi peribadi harian mereka dan seluroh Anggota Askar Melayu Diraja Brunei yang akan menjadi chermin kapada umum nanti.

Beliau juga mengingatkan mereka bahawa tatatertib itu hendak-lah di-amalkan dalam semua suasana sama ada ketika memandu kereta, atau bersiar2 dan apa lagi ketika mereka memakai pakaian seragam hijau.

## *Ketetapan bayaran zakat fitrah*

(Dari muka 1)

lah 3 kati 12 tahil bagi tiap2 sa-orang Islam".

Dalam pada itu surat keliling itu juga menerangkan bahawa menurut Mazhab Hanafi bahawa ada-lah sah mengeluarkan zakat fitrah dengan nilaian mata wang.

Oleh kerana beras yang biasa di-makan di-negeri ini ditetapkan oleh Kerajaan dengan harga \$3.00 sa-gantang di-Daerah Brunei; \$3.05 di-Daerah Tutong dan Muara dan \$3.10 di-Daerah2 Belait dan Temburong, maka nilaian harga beras bagi 3 kati 12 tahil di-Daerah Brunei ia-lah $\$1.87\frac{1}{2}$ sen; Tutong dan Muara $\$1.90\frac{5}{8}$ rong $\$1.93\frac{3}{4}$ sen.

Surat keliling itu menyatakan bahawa tiap2 umat Islam di-negeri ini boleh membayar zakat fitrah sama ada dengan mengeluarkan beras sa-banyak 3 kati 12 tahil atau boleh bertaklid (mengikut) Mazhab Hanafi dengan mengeluarkan nilaian harga beras 3 kati 12 tahil itu.

Orang Islam ada-lah di-ingatkan bahawa zakat fitrah wajib di-keluarkan mulai malam Hari Raya hingga Imam mendirikan sembahyang Hari Raya.

"Dalam pada itu ada-lah harus zakat fitrah itu di-keluarkan sa-belum waktu tersebut ia-itu dari awal bulan Ramadhan".

## MAJLIS BERTADRUS

BANDAR SERI BEGAWAN. — Umat Islam di-negeri ini telah berkunjong beramai2 ka-majlis2 bertadrus yang di-adakan di-tujoh buah tempat pembesar2 negara yang di-adakan sejak permulaan puasa di-ishtiharkan.

Pada malam hari Sabtu ini (malam Ahad). rombongan tadrus Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar yang di-ketuai oleh Pmk. Setia Usaha Kerajaan, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdul Aziz akan berkunjong ka-Surau Istana Darul Hana.

Rombongan itu akan mengandongi pegawai2 dan kakitangan Kerajaan.

Sa-belum itu, pada malam hari Khamis (malam Jumaat) ini, majlis tamat bertadrus akan di-adakan di-Rumah Semaun ia-itu tempat kediaman Yang Berhormat Pemangku Setia Usaha Kerajaan di-Jalan Gadong.

Pembukaan majlis bertadrus di-Rumah Jerambak ia-itu tempat kediaman Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar di-Jalan Gadong akan di-umumkan kemudian.

Tempat2 bertadrus yang lain yang maseh berjalan sekarang ia-lah di-tempat kediaman rasmi Yang Teramat Mulia Seri Paduka Pengiran Bendahara di-Jalan Berakas; di-tempat kediaman rasmi Yang Teramat Mulia Seri Paduka Pengiran Di-Gadong di-Kampong Kianggeh; di-tempat kediaman rasmi Yang Teramat Mulia Seri Paduka Pengiran Pemancha berdekatan dengan Istana Darul-Hana; tempat kediaman rasmi Yang Teramat Mulia Seri Paduka Pengiran Temenggong, Kg. Manggis di-Jalan Muara; di-rumah kediaman Pengetua Pegawai Hal-Ehwal Ugama di-Kampong Lambak dan di-rumah kediaman Kadhi Besar Brunei di-Kampong Salambigar, Jalan Muara.

Majlis2 bertadrus di-tempat2 tersebut ada-lah terbuka kapada umat Islam di-negeri ini.

## Berita palsu

(Dari muka 1)

rat khabar asing dan berbahasa asing yang menyatakan konon-nya kerajaan akan menaikkan gaji pegawai2-nya sabanyak \$100.00 sa-bulan dan 30 peratus daripada gaji itu akan di-dermakan kapada tabong pembinan stadium.

Berita tersebut, kata-nya ada-lah bohong dan dusta yang senghaja di-ada2kan.

**(Uchapan penoh Yang Berhormat itu di-siarkan di-muka 2).**

(Dari muka 1)

pendidek supaya mereka harus mengetahui dan mengamalkan jiwa pendidek sebenar-nya.

Menyentoh mengenai peruntokan tahun 1974 bagi Jabatan Pelajaran, Yang Berhormat perchaya pehak Pengarah Pelajaran akan menggunakan kebijaksanaan-nya pada mendapatkan kaedah2 maksima dengan tidak menurunkan efficiency yang di-perlukan.

Kata-nya, sifat2 yang suka menyalahkan sudut2 lain dengan alasan kekurangan peruntokan yang menyebabkan turun-nya efficiency ada-lah di-anggap orang2 yang tidak mahu bertanggong-jawab.

Pemangku Setia Usaha Kerajaan itu perchaya bahawa Pengarah Pelajaran melalui Majlis Pelajaran akan berusaha terhadap kesempurnaan pelajaran di-negeri ini yang bertujuan semata2 untok kebaikan raayat dan pendudok Brunei.

**(Uchapan penoh Yang Berhormat Pengku Setia Usaha Kerajaan di-siarkan di-muka 4).**

## *Tempat2 membayar zakat fitrah*

(Dari Muka 6)

Kaki-tangan JHEU) bagi **Jalan Belait/Seria. Jalan Nakhoda Ragam (Timor), Jalan Pemancha, Jalan Menteri, Jalan Bendahari dan Jalan Penglima (Timor) (di-Mesjid Mohd. Jamalul Alam).** (i) Awg. Masri bin Abon (Kaki Tangan BSP). (ii) Che'gu Yahya bin Tasripan (Guru Ugama) bagi **Lurong 5 hingga Round About (di-Kelab Melayu Seria)** (i) Imam Mesjid Pekan Seria. (ii) Bilal Mesjid Pekan Seria bagi **Lurong 4 hingga Lapangan Terbang Anduki (di-Mesjid Pekan Seria).** Imam Mesjid Sungai Liang bagi **Mukim Mesjid Sungai Liang (di-Mesjid Sungai Liang).** Imam Mesjid Bukit Sawat bagi **Mukim Mesjid Bukit Sawat (di-Mesjid Bukit Sawat).** Imam Mesjid Labi bagi **Mukim Mesjid Labi (di-Mesjid Labi).** Imam Mesjid Kuala Balai bagi **Mukim Mesjid Kuala Balai (di-Mesjid Kuala Balai).**

**BAGI KAWASAN DAERAH TUTONG**

Imam Mesjid Hassanal Bolkiah bagi **Mukim Mesjid Hassanal Bolkiah (di-Mesjid Hassanal Bolkiah).** Imam Mesjid Penanjong bagi **Mukim Mesjid Penanjong (di-Mesjid Penanjong).** Imam Mesjid Keriam bagi **Mukim Mesjid Keriam (di-Mesjid Keriam).** Imam Mesjid Senaut bagi **Mukim Mesjid Senaut (di-Mesjid Senaut).** Imam Mesjid Kupang bagi **Mukim Mesjid Kupang (di-Mesjid Kupang).** Imam Mesjid Kiudang bagi **Mukim Mesjid Kiudang (di-Mesjid Kiudang).** Imam Mesjid Birau bagi **Mukim Mesjid Birau (di-Mesjid Birau).** Imam Mesjid Lamunin bagi **Mukim Mesjid Layong (di-Mesjid Layong).** Imam Mesjid Tanjong Maya bagi **Mukim Mesjid Tanjong Maya (di-Mesjid Tanjong Maya).** Imam Mesjid Tumpuan Telisai bagi **Mukim Mesjid Tumpuan Telisai (di-Mesjid Tumpuan Telisai).** Imam Mesjid Danau bagi **Mukim Mesjid Danau (di-Mesjid Danau).** Imam Mesjid Penapar bagi **Mukim Mesjid Penapar (di-Mesjid Penapar).** Imam Mesjid Kampong Menengah bagi a) **Mukim Mesjid Kampong Menengah. b) Kampong Bukit Sulang (di-Mesjid Kampong Menengah).**

**BAGI KAWASAN DAERAH TEMBURONG**

Imam Mesjid Utama Mohammad Salleh bagi **Pekan Bangar, Kampong Seri Belayang, Kampong Puni, Kampong Batang Tuaw dan Kampong Hujong Jalan (di-Mesjid Utama Mohammad Salleh).** Bilal Mesjid Utama Mohammad Salleh bagi **Kampong Menengah, Kampong Parit Temburong, Kampong Kastam Lama, Kampong Lagau, Kampong Buang Bulan, Kampong Sungai Tanam "A" & "B", Kampong Tanit, Kampong Sungai Sulok, Kampong Sungai Belayang, Kampong Gadong dan Kampong Semang (di-rumah Amil).** Imam Mesjid Selangan bagi **Kampong Selangan, Kampong Belaban, Kampong Belaban Baru, Kampong Belingos dan Kampong Sipulu (di-Mesjid Selangan).** Imam Mesjid Batu Apoi bagi **Kawasan Batu Apoi (di-Mesjid Batu Apoi).** Imam Mesjid Bukok bagi **Kawasan Bukok (di-Mesjid Bukok).** Imam Mesjid Labu Estate bagi **Kawasan Labu Estate (di-Mesjid Labu Estate).**

DI-TERBITKAN OLEH JABATAN PENYIARAN DAN PENERANGAN KERAJAAN BRUNEI DAN DI-CHETAK DI-PERCHETAKAN BINTANG, BANDAR SERI BEGAWAN.